



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "RAHMAT KESABARAN"

4 April 2025 / 5 Syawal 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الْدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ يَأْخُذُونَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِنُوكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقْوَى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Bersyukur kita kerana dilimpahi nikmat dan rahmat dapat menyambut Aidilfitri dalam suasana riang, di sebuah negara yang aman dan sentosa. Mudah-mudahan hati yang suci dan nurani yang murni kekal istiqamah, meningkatkan ketakwaan kita ke hadrat Allah SWT; taat melaksanakan segala perintah – patuh meninggalkan setiap larangan Nya. Semoga kita sentiasa mendapat taufik – mendapat hidayah, diperkuuhkan iman, mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

## "RAHMAT KESABARAN"

Firman Allah SWT, ayat 58 hingga 59 surah al-Ankabut:

﴿ وَالَّذِينَ ءامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَنُبَوِّئَنَّهُم مِّنَ الْجَنَّةِ غُرْفَاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَلِيلِنَّ فِيهَا نَعْمَلُ أَجْرًا لِلْعَمَلِينَ ﴾٥٨٥٩﴾

Bermaksud: "Dan orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya Kami akan tempatkan mereka dalam mahligai-mahligai syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya. Itulah sebaik-baik balasan bagi orang yang beramal soleh. (laitu) orang yang bersabar dan berserah diri bulat-bulat kepada Tuhan."

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Ujian yang datang daripada Allah SWT, bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana kesabaran seseorang hamba dengan reda menerima ketentuan Ilahi. Ujian mendidik manusia untuk belajar berfikir secara positif; kerana bagi mukmin yang teguh imannya, mereka sentiasa bersangka baik ketika menghadapi setiap ketentuan Ilahi, dan mentafsirkannya sebagai tanda kasih sayang Allah untuk mengangkat darjah hamba Nya yang bertakwa.

Kata-kata bersabar mudah diungkapkan, namun hakikatnya sukar diamalkan, lebih-lebih lagi apabila ditimpa musibah yang amat berat, kecuali dalam kalangan mereka yang benar-benar beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Sifat kesabaran yang teguh diperlihatkan oleh Nabi SAW ketika berhadapan setiap ujian, dugaan dan tentangan ketika melaksanakan tanggungjawab seorang Rasul menjunjung perintah daripada Allah SWT. Baginda diejek, dipersendakan, dan dilemparkan dengan pelbagai fitnah dan cercaan, bertujuan mahu menghina dan merendahkan maruah Baginda oleh para penentang pegangan tauhid yang Baginda SAW mahu sampaikan. Begitu juga sabar dan teguhnya para sahabat Baginda SAW yang sama-sama menghadapi perbuatan zalim para penentang agama Allah; sebagai contoh Bilal bin Rabah RA dijemur di bawah terik matahari dengan badannya dihimpit batu besar kerana keyakinan Bilal membenarkan akidah keesaan Allah SWT. Demikian pula kisah keluarga Yasir RA yang sabar menghadapi ujian, diseksa dengan kejam oleh kaum Musyrikin yang memaksa mereka untuk kembali kepada amalan mempersekuatkan Allah, hingga isteri beliau, Sumayyah ditikam dari arah qubulnya sehingga meninggal dunia. Sifat sabar setiap seorang daripada mereka terbina melalui keyakinan dan ketakwaan mereka mempercayai syurga yang dijanjikan sebagai ganjaran menegakkan agama Allah selaras dengan ayat 58 dan 59 surah al-Ankabut, yang khatib baca pada awal khutbah, yang menggambarkan keindahan mahligai-mahligai syurga menanti kehadiran orang-orang yang bersabar menjunjung agama Allah SWT.

### **Jemaah yang dimuliakan,**

Sabar dapat dibahagikan kepada tiga darjah:



## Pertama: Sabar dalam ketaatan

Merupakan darjah sabar tertinggi, berada di puncak untuk mendapat keredaan dan penerimaan Ilahi, kerana bersabar melaksanakan ibadah dengan penuh ketaatan, keyakinan, kesungguhan, kesempurnaan, tawaduk dan khusyuk, dengan menyerahkan diri khusus kepada Allah SWT.

## Kedua: Sabar menjauhi kemaksiatan

Bersabar menewaskan, menjauhi dan menghindari desakan nafsu yang mahu mempengaruhi manusia untuk melakukan perbuatan-perbuatan maksiat dan mungkar kerana pegangan iman dan takwa yang kukuh, takut kepada kemurkaan Allah SWT.

## Ketiga: Sabar terhadap ketentuan dan musibah

Bersabar menerima ketentuan atau musibah kerana keyakinan terhadap Allah SWT serta percaya bahawa setiap yang berlaku memiliki hikmah dan kebaikan yang tersirat di sebalik yang tersurat, dan yakin bahawa setiap ujian daripada Ilahi akan membuka jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

## Jemaah yang dilimpahi fadilat Ilahi

Dalam kita berazam dan bertekad untuk meneruskan ibadah dan amal soleh, sudah pasti ada ujian yang datang untuk menguji sejauh mana kesabaran dan kecekalan hati untuk terus istiqamah. Sesungguhnya Allah SWT menguji hamba Nya untuk melihat siapa dalam kalangan hamba Nya yang ikhlas beramal dengan iman yang teguh dan siapa pula yang sekadar berpura-pura beramal dengan iman yang longgar. Sesungguhnya orang yang sentiasa bersabar dalam melakukan ibadah, tergolong dalam kalangan orang yang pemurah dan disukai, serta berada dalam rahmat dan lindungan Allah SWT sebagaimana sabda Baginda SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari:

وَمَنْ يَسْتَعْفِفْ يُعِذَّهُ اللَّهُ، وَمَنْ يَسْتَغْنِيْ يُغْنِهُ اللَّهُ، وَمَنْ يَتَصَبَّرْ يُصَبِّرُهُ اللَّهُ، وَمَا أُعْطَى  
أَحَدٌ عَطَاءً حَيْرًا وَأَوْسَعَ مِنْ الصَّبْرِ



Bermaksud: "Barang siapa yang berusaha menjaga diri, maka Allah menjaganya, barang siapa yang merasa cukup, maka Allah mencukupinya. Barang siapa yang berusaha bersabar, maka Allah akan menjadikannya mampu bersabar dan tidak ada seorang pun yang dianugerahi sesuatu lebih berharga dari kesabaran."

### Jemaah Rahimakumullah

Mimbar menyimpulkan empat pengajaran berikut:

**Pertama:** Ujian yang dialami oleh Baginda Nabi SAW dan para sahabatnya jauh lebih berat daripada apa yang dirasai oleh ummah masa kini, maka jadikanlah kesabaran yang dimiliki oleh Baginda dan para sahabat sebagai contoh ikutan untuk kita buktikan keyakinan dan ketaatan kepada Allah SWT.

**Kedua:** Rahmat Ilahi tidak pernah terhenti terhadap mereka yang sentiasa taat dan yakin kepada Allah SWT dengan sifat sabar dan reda ketika menghadapi apa jua ujian.

**Ketiga:** Allah SWT meninggikan darjat mereka yang bersabar dengan jaminan bahawa setiap kesukaran akan disertai dengan kemudahan.

**Keempat:** Allah SWT menjanjikan ganjaran mulia dan tinggi kepada mereka yang sentiasa bersabar, iaitu mahligai-mahligai indah di syurga sebagai tempat penginapan yang kekal abadi.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَأَسْتَغْفِرُهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آئِلَّهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْعَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفِ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>7</sup>. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ  
إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ  
أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Bimbing kami untuk terus bersabar dan reda atas setiap ujian dan ketentuan. Pandulah kami cara melihat takdir dengan kefahaman agama yang jelas serta sentiasa bersangka baik ketika menghadapi ujian daripada Mu Ya Allah. Gantikan kesusahan menghadapi ujian dengan kebaikan yang melimpah di dunia dan ganjaran yang besar di akhirat.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

**Ya Mu'min! Ya Muhammin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْحَسَنَةِ وَفِي الْأُخْرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ  
وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ.